

DI SEKITAR PERKEMBANGAN ILMU FIKAH

Ilmu feqah ialah undang-undang Islam, suatu cabang ilmu yang baik sekali ‘alim ulama’ Islam mengarang beribu-ribu kitab menghuraikannya. Rencana yang berharga ini kita perturunkan dari buah pena Tuan Muhammad Norman dalam “Aliran Islam”.

(Oleh Muhammad Norman)

Kata “Justinian Nose” seorang ahli undang-undang bangsa Rom, bahawa ilmu undang-undang itu meliputi urusan dunia dan akhirat, tetapi sekarang, ilmu undnag-undnag menurut pandangan orang barat, hanyalah mengenai urusan dunia semata-mata. Sebab kerana orang-orang sekarang telah meisahkan urusan akhirat dari urusan dunia. Urusan akhirat telah jadi urusan gereja belaka.

Fikah Islam

Ilmu fikah Islam mengandungi dua jurusan –dunia akhirat, terbahagi kepada dua bahagian:

Yang pertama- bahagian ibadah meliputi sembahyang, puasa, zakat dan lain-lain yang bersungguh dengan itu. bahagian ini dalam istilah ahli fikah lebih terkenal dengan nama “*Rab’ul ‘ibādāt*”.

Yang kedua- bahagian hukum atau undang-undang. Yakni undang-undang yang menentukan hak-hak perseorangan dan kewajipan mereka serta hak-hak dan kewajipan masyarakat dalam pergaulan di dunia bahagian ini dapat dipecahkan sebagai berikut:

(1) *Qism al-'Uqūbāt*

Bahagian ini menguruskan urusan kejahatan dan pelanggaran serta akibat-akibat dari pelanggaran-pelanggaran, berupa hukuman, denda dan lain. Contoh-contoh bahagian ini seperti: pembunuhan,

curian, berzina, meminum arak, munuduh orang dengan sesuatu kesalaha. Maka akibat dari pelanggaran ini ada yang berupa *qiṣās*, *ḥad* (dara) dan *diyāh* (denda).

Qismul 'Uqūbāt ini sama dengan hukum jenayah atau criminal law.

(2) *Qismul munākahāt*

Bahagian inni menguruskan urusan-urusan nikah cerai dan raju’ serta akibat dari ketinggian seperti: *‘idah*, *nasab* (kebangsaan anak), susunan, pemeliharaan, penjagaan, wasiat, nafkah, harta pusaka dan lain-lain. Bahagian ini lebih terkenal dengan nama urusan perseorangan (*al-Iḥwāl al-Shakhṣiyah*).

Bahagian ini dalam undang-undang negeri disebut “undang-undang keluarga”.

(3) *Qismul mu‘āmalāt*

Bahagian ini menguruskan bahagian harta benda dan sangkut pautnya, seperti: soal-soal perjanjian dan penyerahan kekuasaan. Meliputi perjanjian-perjanjian jual beli, sewa-menyewa, hibah (pemberian), pinjam-meminjam, pertaruhan, pemeliharaan, dan pemindahan kuasa, termasuk juga perkara ganti rugi. Bahagian ini dalam undang-undang negeri disebut *civil law*.

(4) *Qism al-Mukhāṣamāt*

Bahagian ini menguruskan perkara-perkara pengadilan, dakwaan dan keterangan-keterangan yang menjadi dalil dalam percabaran. Dalam undang-undnag negeri disebut: *Proses of Law*.

(5) *Qismul al-Sīr*

“*Al-Sīr*” ialah jama‘ perkataan “*sīrah*”. Bahagian ini menguruskan soal-soal peperangan, harta rampasan, senjata, soal orang *dhimmi* (golongan kecil) yang berlainan agama, batas daerah iaitu pembahagian kawasan perang dan kawasan aman. Termasuk juga soal kebangsaan penduduk, soal perang dan damai. Bahagian ini dalam undang-undang moden disebut *international law*.

(6) *Qismul al-Aḥkām al-Sulṭāniyah*

Bahagian yang menguruskan perkara-perkara membuat undang-undang negeri dan segala yang bersangkutan dengannya, dan juga mengurus soal khalifah (ketua negara). Dengan keterangan-keterangan ini nyatalah bahawa hukum fikah itu meliputi undang-undang dunia dan akhirat.

Punca hukum dalam Islam

Yang menjadi punca hukum (undang-undang dalam Islam

Menurut *qawl* yang muktamad ialah empat: (1) Quran (2) Sunnah (3) Ijmā‘ dan (4) Qiyas.

Imam Abū Hanīfah menambah satu lagi dinamakannya “*istiḥsān*” (pandangan baik). Imam Mālik pula menambah satu lagi dengan nama *al-maṣāliḥ al-mursalāh* (maslahat-maslahat am).

Contoh mengenai *al-istiḥsān* itu ialah sikap Sayyidina ‘Umar ibn Khaṭṭāb tatkala mencadangkan kepada Sayyidina Abū Bakr al-Siddīq tentang pengumpulan al-Quran sesudah terbunuh 70 qari Quran dalam peperangan Yamamah. Usul Sayyidina ‘Umar ini belum pernah dilakukan oleh Nabi dalam masa hayatnya. Dalam hal ini Sayyidina ‘Umar tidak dapat memberi alasan selain daripada kepentingan hatinya yang pekerjaan itu sangat baik dengan katanya: “*Wallāhi hadhā khayr*” (Demi Allah, ini ialah baik).

Contoh mengenai *al-maṣāliḥ al-mursalāh* adalah seperti di bawah ini:

Seorang perempuan hamil, telah mengalami kesukaran

yang membahayakan nyawanya waktu hendak melahirkan anaknya. Dalam keadaan yang demikian itu menurut kaedah “*al-maṣāliḥ al-mursalāh*” maka si anak itu bolehlah dimatikan supaya terselamat nyawa ibunya.

Suatu contoh lagi: suatu peperangan telah berlaku di antara pihak Islam dengan pihak musuh yang bukan Islam. Pasukan musuh pun meletakkan sekumpulan kaum Islam (entah orang tawanan entah orang yang hanya ditangkap sahaja) di baris hadapan. Ketika itu kalau pihak Islam menyerbu berma’na kumpulan orang-orang Islam yang dijadikan perisai oleh musuh akan terbunuh, tetapi kalau pasukan muslimin tidak menyerbu, sudah tentu mereka akan kalah dan hancur diserang oleh musuh. Maka dalam peristiwa yang seperti ini menurut kaedah *maṣāliḥ mursalāh*, pasukan Islam boleh menyerbu lawannya walaupun sekumpulan kaum Islam yang diletakkan oleh musuh dibarisan hadapannya akan terkorban.

Punca hukum moden

Punca hukum moden adalah terbit daripada tiga pokok: (1) Undang-undang, (2) Kebiasaan, dan (3) Perjanjian. Dalam hal menyesuaikan tiga pokok yang tersebut, soal qias dan ijmā‘ tetap diperhatikan.

Mazhab-mazhab dalam Islam

Sebagai buah dari kelanjutan berijtihad dalam menciptakan hukum-hukum untuk soal-soal yang timbul dan sentiasa akan timbul serta berkembang sampai hari qiyamat, maka lahirlah dua mazhab yang besar dalam Islam: pertama, “mazhab ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah” dan kedua, “mazhab Shī‘ah”.

Mazhab Shī‘ah

Ada pun mazhab Shī‘ah pada dasarnya benar, bukanlah kerana berlainan dasar dalam agama, tetapi lebih banyak berdasarkan

sambungan pada muka 23

Sambungan dari muka 18

kepada faktor politik yakni hendak menetapkan khilafah (jawatan khalifah) terus berada pada keluarga Nabi dari Keturunan 'Alī abi Ṭālib.

Di samping perbezaan pokok mengenai khilafah, ada juga perbezaan yang lain dalam hal pimpinannya (*imāmah*) ijtihad, dalil shara' dan pada beberapa *furū'* 'ibādah dan *mu'āmalāt*.

Dari soal "*imāmah*" inilah berpecah-pecah pula mazhab mereka menjadi mazhab "*Zaydiyyah*", "*Ismā'īliyah*" dan lain-lain.

Imam-imam yang muktamad pada sisi ahli shī'ah ada empat orang:

(1) 'Alī bin abī Ṭālib, (2) Ḥasan bin 'Alī, (3) Ḥusn bin 'Alī, dan (4) 'Alī Zayn al-'Ābidīn bin Ḥusn bin 'Alī. Di samping dua mazhab *Zaydiyyah* dan *Ismā'īliyah* yang tersebut, ada pula mazhab "*Ithna 'Ashariah*" (mazhab dua belas).

Imam-imam mereka yang dua belas itu di antaranya 4 imam muktabar yang tersebut tadi dan yang baiknya ialah: (5) Ja'far al-Sadīq, (6) Mūsā al-Kāzim. (7) 'Alī al-Riḍā, (8) Muḥammad Jawād, (9) 'Alī al-Hādī, (10) Ḥasan al-'Askarī, (11) Abū Ja'far Muḥammad al-Bāqir, dan (12) yang penghabisan sekali dan inilah pokok aqidah mereka bahawa imam yang kedua belas ialah "Imām Mahdī" al-Muntazir yang akan datang pada akhir zaman.

Ada pun perbezaan yang lain dari mazhab ahl al-Sunnah wa al-jamā'ah ialah tentang sunnah Nabi. Bagi mereka sunnah ialah suatu yang berasal bukan dari Nabi sahaja tetapi juga fatwa-fatwa yang berasal dari anggota keluarga Nabi sendiri.

Inilah salah satu perbezaan antara antara mazhab Shī'ah dengan mazhab ahl al-Sunnah. Sedang yang bernama hadis pada ahl al-Sunnah ialah ucapan, perbuatan dan ikrar Nabi sahaja bukan fatwa sahabat-sahabat.

Ada pun perbuatan dan ucapan sahabat tidaklah boleh jadi hujah dengan mutlak, yakni tidak boleh dijadikan punca hukum.

Selain dari yang tersebut di atas, mazhab Shī'ah hanya mengakui *ijma'*, yang hanya berasal dari imam yang maksum sahaja. Ada pun qiyas berpecah pendapat mereka, setengah menerima dan setengahnya menolak. Ada pun dalam *furū'* ibadah mereka banyak menyemai mazhab Shāfi'ī. Golongan yang terbesar dari mazhab Shī'ah ini ialah fariqah "*Imāmiyah*" (kambing di Iran, berjumlah 13 juta, di India dan Pakistan ada pula 6 juta, di Iraq ada 2 juta setengah, demikian juga dijumpai di Syria dan Lubnan). Mazhab *Imāmiyah* ini ialah mazhab rasmi kerajaan Iran (Parsi).

Selain dari mazhab "*Imāmiyah*" ada pula mazhab "*Zaydiyyah*" imam mereka "*Zayd bin Ḥusn bin 'Alī bin Abī Ṭālib*". Mereka mengakui juga akan sahnya akan khalifah yang bertiga yang lain daripada 'Alī, iaitu Abū Bakr, 'Umar dan 'Uthmān. Inilah mazhab Shī'ah yang hampir dengan mazhab ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Dan ialah juga mazhab rasmi kerajaan Yaman, selain daripada itu ada pula mazhab "*Ismā'īliyah*", mereka menolak akan imāmah Mūsā al-Kāzim, tetapi mengakui imamah saudaranya yang tertua iaitu Isma'īl bin Ja'far a-Sidīq.

Inilah mazhab kerajaan Fāṭimiyyah di Mesir dalam kurun Masīhi yang kedua belas.

Fariqah Ismā'īliyah kuat bertapak di Pakistan di bawah pimpinan Agha Khan. Begitu juga tersebar dibahagian selatan Tanah Arab, selatan Parsi dan daerah pergunungan Syria.

Mazhab ahl al-sunnah dahulunya ada lebih dari empat mazhab seperti yang ada sekarang. Ada pun empat mazhab yang masyhur ialah: (1) Ḥanafī, (2) Mālikī, (3) Shāfi'ī, dan (4) Ḥanbalī. Pokok keempat-empat mazhab tersebut ialah mereka sama-sama mengakui akan Quran, sunnah, *ijma'* dan qiyas menjadi punca hukum.

Ada pun tokoh dan tambahannya kepada pokoknya, tidaklah melaini akan empat perkara yang menjadi pokok mutlak

itu bagi mendapat gambaran yang agak lengkap maka di bawah ini diberi sedikit huraian mengenai keempat-empat mazhab tersebut.

(1) Mazhab Ḥanafī

Mazhab ini didirikan oleh Imam Abū Ḥanīfah al-Nu‘mān bin Thābit yang lahir di negeri Kufah pada tahun 80H (699M) dan meninggal dalam tahun 150H (767 M).

Ia berasal dari keturunan Parsi. Perbezaannya yang besar dengan lain-lain mazhab ialah Abū Ḥanīfah mengutamakan fikiran (*ra’i*) dan sangat ketat dalam penerimaan hadis.

Dari itu terkenal mazhabnya dengan nama mazhab ahli al-Ra’i. Abū Ḥanīfah menerima empat asas yang tersebut lalu ditambahnya dengan asas yang kelima iaitu “*al-Istiḥsān*” (pandangan baik).

Mazhab Hanafi ini ialah sebesar-besar mazhab dan mempunyai pengikut lebih dari sepertiga jumlah kaum muslimin di dunia. Mazhab ini tersebar di Pakistan, Mesir, Syria, Lebanon, Syrik al-Ridan, Iraq, Afghanistan, Turkistan dan lain-lain.

(2) Mazhab Mālikī

Pendiri mazhab ini ialah Imam Mālik bin Anas lahir di Madinah dalam tahun 95H (713 M) dan meninggal tahun 179 H (795 M). keistimewaan mazhab ini ialah mengutamakan hadis dari yang lain-lain. Hal ini dapat difaham ilaha kerana Imam Mālik lahir di Madinah, sedang bandar Madinah ialah tempat lahir hadis dan di sana pula tempat ahli-ahli hadis. Di samping empat perkara yang menjadi asas hukum seperti yang tersebut di atas, Imam Mālik menambahkan asas yang kelima iaitu “*al-Maṣāliḥ al-Mursalih*” (Maslahat-maslahat am).

Dalam masa Khalifah Abū Ja‘far al-Manṣūr (Khalifah yang kedua dari khalifah-khalifah Bani ‘Abbās) naik haji ke Mekah, dan setibanya di Madinah baginda telah ziarah Imam Mālik dan meminta supaya Imam Malik mentadwinkan (menyusun) hukum-hukum shara‘ lalu berjanji akan memakai dan menyebarkan fatwanya

itu ke seluruh kerajaan baginda.

Mendengar ini, Imam Mālik menjawab, bahawa permintaan yang pertama itu ia sedia mengajarkannya, tetapi permintaan yang kedua ia keberatan kerana tidak mahu menyekat fikiran lain-lain ulama. Imam Mālik pun menyusun kitab “*al-Muwatta’*” salah sebuah kitab feqah hadis yang tertua yang masih ada hingga zaman kita ini. Mazhab Mālikī tersiar di Hijjaz, Maghribi dan dahulu Semenanjung Sepanyol. Pada zaman ini mazhab itu tersiar di Morocco, al-Jaiz, Tunis, Libya, Mesir. Jumlah pengikutnya 45 juta. Salah seorang murid-murid Imam Mālik ialah Imam Shāfi‘ī sendiri.

Mazhab Mālikī ini disebut orang: mazhab Muḥadithīn (mazhab ahli-ahli hadis).

(3) Mazhab Shāfi‘ī

Pendiri mazhab ini ialah Imam Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi‘ī, lahir di Ghizah pada tahun (150) H (767M) dan meninggal di Mesir pada tahun 204 H (819 M).

Imam Shāfi‘ī ialah salah seorang mujtahid pengembara di negeri-negeri Islam pada zaman itu.

Pada mulanya ia belajar kepada Imam Mālik dan terpengaruh dengan aliran fikiran gurunya itu. Ia jadi pengikut ahli-ahli hadis. Setelah itu ia merantau ke negeri Iraq dan belajar kepada ulama-ulama Ḥanafī lalu menetap di sana. Ia pula telah terpengaruh kepada jalan fikiran Ḥanafī. Akhirnya sesudah ia menetap di Mesir, maka Imam Shāfi‘ī telah rujuk dari fatwa-fatwanya ketika ia berada di Iraq dahulu dan mazhabnya di Mesir disebut “*qawl jadīd*” (Fatwa baharu).

Keistimewaan mazhab Shāfi‘ī ini ialah bertolak unsur dari dua aliran- aliran ahli hadis Madinah dari mazhab Mālikī, dan aliran ahli Ra’i (fikiran) Iraq dari mazhab Ḥanafī. Imam Shāfi‘ī memakai empat dasar Sahaja sebagai asas hukum iaitu: Quran, sunnah, ijma‘ dan qiyas. Ia tidak memakai *al-istiḥsān* dan *al-Maṣāliḥ al-Mursalih*, tetapi berpada sahaja dengan empat asas yang

tersebut itu, ia terkenal dengan qiyas dan ialah pula penyusun dan pencipta “*ilm uṣūl fiqh*”.

Di antara murid-muridnya ialah Imam Aḥmad bin Ḥanbal pendiri mazhab Ḥanbalī. Selain daripada Aḥmad bin Ḥanbal, masyhur pula dua orang lagi iaitu Ibn Jarīr a-Ṭabrī, dan Dāwud al-Zāharī.

Kedua-duanya dahulu menjadi pendiri mazhab yang terkenal atas nama mereka pula tetapi tidak berkembang benar seperti empat mazhab yang masyhur itu. mazhab Shāfi‘ī tersiar di Mesir, tetapi mazhab rasmi pemerintah negeri itu ialah mazhab Ḥanafī, kerana Mesir dahulu diperintah oleh Turki yang bermazhab Ḥanafī.

Pengikut mazhab Shāfi‘ī yang tersiar di Indonesia dan Tanah Melayu, selain daripada itu di Tanah Arab termasuk Palestin, Syria dan Lebanon.

Mazhab Shāfi‘ī ialah mazhab kedua dari segi tersiar di negeri-negeri Islam. Pengikutnya berjumlah lebih daripada seratus ribu juta.

(4) Mazhab Ḥanbalī

Pendiri mazhab ini ialah Imam Aḥmad bin Ḥanbal. Lahir di Baghdad dalam tahun 164 H (780 M) dan meninggal pada tahun 241H (855 M). ia banyak mengembara dalam mencari pengetahuan dan mengumpulkan ilmu hadis.

Asas hukum bagi Imam Aḥmad bin Ḥanbal ialah lima Perkara: (1) Quran dan Sunnah, (2) ijma‘ sahabat, (3) Fatwa sahabat-sahabat apa kala ada persuaian dengan Quran (3) Dan Sunnah (4) hadis mursal *da ‘if* dan (5) qiyas jika perlu. Jadi perbezaan mazhab Ḥanbalī denga tiga mazhab yang lain, ialah Ibn Ḥanbal mengutamakan naqal dari akal.

Imam Aḥmad bin Ḥanbal mengahulukan hadis mursal *da ‘if* daripada qiyas. Kerana kuatnya ia mengutamakan

hadis, hingga setengah ulama ada yang memasukkan dia dalam golongan ahli hadis. Dua orang dari pengikut mazhab Ḥanbalī yang sangat terkenal ialah Shaykh Tāj al-Din Ibn Taymiyah, dan Ibn al-Qayim al-Jawziyah- murid Ibn Taymiyah.

Dalam kurun yang kelapan belas masihi, termasyhur pula Muḥammad bin ‘Abdul Wahāb pembangun gerakan pembaharuan agama di negeri Najad- negeri Saudi.

Mazhab Ḥanbalī ialah mazhab kerajaan Saudi sekarang ini. Daerah mazhab ini tidak begitu besar dan pengikutnya tidak begitu banyak.

Mazhab lain-lain:

Selain dari empat mazhab yang tersebut iti, ada juga mazhab-mazhab lain tetapi tidak berusia panjang dan tidak mempunyai banyak pengikut. Di antara mazhab-mazhab yang telah hilang itu ialah mazhab Ūzā‘ī, mazhab Zāharī, dan mazhab Ṭabrī. Selain daripada tiga ini ada pula mazhab Thūrī dan lain-lain.

Mazhab Ūzā‘ī: Pendirinya ialah Imam ‘Abdul Raḥman al- Ūzā‘ī, lahir di Ba‘labak pada tahun 88 H dan meninggal di Beirut pada tahun 157 H . Imam Ūzā‘ī ini seorang ulama hadis dan jadi imam penduduk negeri Syam.

Mazhab Zāharī: Pendiri mazhab ini ialah Dāwud Bin ‘Alī yang terkenal dengan nama al- Zāharī. Lahir di Baghdad pada tahun 202 H dan meninggal tahun 270 H., sebab dinamakan al-Dzohiri ialah kerana ia termasyhur dengan fatwanya yang hanya semata-mata berpegang dengan zahir nas daripada kitab dan sunah. Ia menolak ijma‘ terkecuali kalau dari semua ulama pada suatu zaman. Demikian pula ia menolak qiyas, kecuali berdasar kepada nas. Mazhab ini dahulu terisar di Sepanyol. Salah seorang dari pengikutnya yang terkenal ialah Ibn Hazam penagarang kitab “*al-Muhālī*” dan “*al-Malal wa al-Nahl*”.

Mazhab Ṭabri: Pendirinya ialah Imam Ibn Jarīr al- Ṭabri, pengarang tarikh al- Ṭabri dan tafsir al- Ṭabri yang terkenal.

Sebab-sebab tersiarnya mazhab-mazhab

Bagi perkembangan masing-masing mazhab selain daripada kekuatan hujah dan dalil dari tiap-tiap fatwa mazhab, ada pula faktor-faktor politik, akhlak dan kemasyarakatan.

Kerajaan ‘Abasiyyah di Baghdad telah mengangkat Imam Abū Yūsuf menjadi “*qādī al-qaḍāt*” (qadi besar) dan kemudian Abū Ḥanīfah bin al-Ḥasan al-Shāybānī. Kedua-duanya ialah murid Abū Ḥanīfah dan penyokong mazhab Ḥanafī. Dengan kedudukannya mereka dalam jawatan itu tersiarlah mazhab Ḥanafī di mana-mana.

Mazhab Mālikī kerana tempat lahirnya di Bandar Madinah maka orang-orang Afrika Utara: Morocco, Tunis, al-Jiza’ir, Libya dan lain-lain itu yang sentiasa bertemu ke Mekah dan Madinah telah tertarik kepada ajaran Imam Malik yang disebut orang: “Imam dār al-Hijrah” (Imam negeri Madinah) dan kembanglah mazhabnya di antara mereka. Apatah lagi ia telah dihormati oleh Khalifah Abū Ja‘far al-Manṣūr.

Ada pun mazhab Shāfi‘ī, kerana sahsiah Imam Shāfi‘ī keturunan Quraish dan telah besar panjang di Mekah serta mahir dalam bahasa Arab dengan fasihnya maka banyaklah pengikut-pengikutnya, dalam zaman Sultan Salah al-Dīn al-Ayyubī mazhab Shāfi‘ī telah menjadi mazhab rasmi kerajaan Mesir. Apatah lagi mazhab Shāfi‘ī ini banyak mengeluarkan alim ulama Islam yang kebilangannya seperti: Imam-imam al-Būyūfī, al-Muzanī, al-Rabī‘, Abū Ishāq al-Fīrūzabādī pengarang “*al-Mahdhab*” Abū Ḥāmid al-Ghazālī (Imam Ghazālī) bapa kaum sufi, Imam Nūwī pengarang syarah Muslim dan Tāj al-Dīn al-Sabakī.

Di antara mazhab-mazhab empat yang terang benar pengaruh politik ialah mazhab Ḥanbalī.

Sesudah Muḥammad bin ‘Abdul Wahāb tampil ke muka dengan gerakan pembaharuan dan pembenterasan taqlid di negeri Najad, maka sudah berdiri kekuasaan Saudiah. Mazhab Ḥanbalī ditetapkan jadi mazhab kerajaan yang rasmi.

Sekianlah sekadar huraian ringkas di sekitar perkembangan ilmu feqah dan perkembangan mazhab.

Dahulu, memang kemajuan berfikir demikian majunya dan jujur, disertai dua faktor batin yang benar pengaruhnya:

Pertama- hasrat hendak berjihad, kerana memnuhi anjuran Nabi: Bahawa barangsiapa yang berjihad, dalam mencari suatu hukum serta benar ia dalam ijtihadnya, maka ia memperoleh dua pahala, dan barang siapa tersalah maka ia memperoleh satu pahala sahaja iaitu pahala berjihad.

Kedua- ialah inti pati ajaran Nabi bahawa: Apabila mati seseorang anak Adam putuslah segenap amalannya selain daripada tiga perkara: (1) harta waqaf, (2) anak yang salih, (3) ilmu yang bermanfaat.

Maka dengan dorongan hendak memperoleh ilmu yang bermanfaat itu, bersungguhlah-sungguhlah mujtahid-mujtahid dalam mencari ilmu serta mengerjakannya dan menggumpulkannya di dalam bentuk kitab-kitab yang besar-besar.

Sesudah majunya masa ijtihad di dalam kurun-kurun pertama dari sejarah Islam, datanglah masa jatuhnya nilai ijtihad itu, dan lahirlah fatwa yang mengatakan: bahawa pintu ijtihad telah tertutup dan bagi alim ulama hanya tertuntut mengikuti dan memeriksa dalil-dalil mujtahid-mujtahid yang telah lalu, manakala orang-orang awam dikehendaki bertaqlid sahaja kepada fatwa-fatwa alim ulama tersebut.